

100,000 kekosongan jawatan sektor awam

» 70 peratus tempat perlu diisi bagi kumpulan sokongan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan kira-kira 100,000 kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam untuk diisi dalam tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam, berkata kekosongan jawatan itu membabitkan pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri.

"Kebanyakan kekosongan adalah pada peringkat kumpulan sokongan memandangkan lebih 70 peratus jawatan dalam perkhidmatan awam ketika ini diisi kumpulan itu," katanya di sini, semalam.

Mahmood berkata, SPA akan sentiasa memastikan calon yang dilantik dalam perkhidmatan awam bukan saja memiliki kelulusan, kelayakan dan kebolehan, malah mempunyai kualiti teras antaranya cepat dan tepat, serta produktif, kreatif dan inovatif.

60,059 kakitangan baru

Katanya, sepanjang tahun lalu, SPA melantik 60,059 orang untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam Persekutuan dan daripada jumlah itu, 38,659 adalah pekerja tetap manakala baki 21,400 lagi ka-

FAKTA NOMBOR

262,911
orang

calon sudah dipanggil untuk ditemu duga pada 2013

kitangan awam yang dilantik secara kontrak.

"SPA menerima lebih dua juta permohonan bagi mengisi pelbagai kekosongan jawatan dan sudah memanggil 262,911 calon untuk ditemu duga sepanjang tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, permohonan bagi mengisi jawatan dalam perkhidmatan awam daripada kaum Cina dan India dilaporkan turut meningkat dengan mendadak dan ia jelas membuktikan kerja keras SPA menarik minat kaum bukan Melayu menyertai perkhidmatan awam menampakkan tanda positif.

Pemohon Cina meningkat

Katanya, pada 2012 hanya 19,702 pemohon daripada kaum Cina membuat pendaftaran dengan SPA dan jumlah itu meningkat pada tahun lalu kepada 44,633 orang.

"Bagi kaum India pula, seramai 35,717 pemohon mendaftar di SPA pada 2012 dan jumlahnya meningkat kepada 75,361 orang tahun lalu," katanya.



Mahmood Adam

Mengulas misi SPA dalam memperbaiki perkhidmatannya pada tahun ini, Mahmood berkata, misi SPA tahun ini adalah untuk membantu pencari kerja faham serta tahu apa yang diinginkan sebelum diambil bekerja di dalam sektor awam.

"Kita nak mereka tahu, kenapa mereka tidak dapat bekerja, apa kelemahan yang mereka ada.

"Sekurang kurangnya mereka boleh menerima sebab dan alasan kenapa mereka tidak diambil bekerja.

"Bagi memastikan pemohon benar-benar bersedia untuk menyertai perkhidmatan awam, SPA akan menganjurkan seminar yang memberi pendedahan awal kepada masyarakat mengenai persediaan yang perlu dilakukan," katanya.

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 4 JANUARI 2014

MS : 2

100,000 jawatan perkhidmatan awam untuk diisi

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan kira-kira 100,000 kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam untuk diisi pada tahun ini.

Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam berkata, kekosongan jawatan itu melibatkan pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri.

"Kebanyakan kekosongan adalah di peringkat kumpulan sokongan memandangkan lebih 70 peratus jawatan dalam perkhidmatan awam ketika ini diisi kumpulan itu," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mahmood berkata, SPA akan sentiasa memastikan calon-calon yang dilantik dalam perkhidmatan awam bukan sahaja memiliki kelulusan, kelayakan dan kebolehan tetapi juga mempunyai kualiti teras antaranya cepat dan tepat, serta produktif, kreatif dan inovatif.

Sehubungan itu, katanya, calon-calon yang berminat menyertai perkhid-

matan awam dipelawa menyertai seminar dan kursus Tip Panduan bagi Memasuki Perkhidmatan Awam yang akan diadakan di seluruh negara bermula hari ini.

Mereka yang berminat untuk menyertai seminar tersebut perlu mendaftar dengan mengisi borang secara online aduan.spa.gov.my/SPAOutreach.

"Sebab itu fokus kita pada tahun ini untuk menjelaskan kepada orang ramai cara nak mohon kerja, apa (ciri-ciri) yang kita cari.

"Jadi bagi orang ramai, kalau ada nilai yang kita cari ini dijemput hadir.

"Jadi kalau dia tidak dapat (kerja dalam perkhidmatan awam) pun kita harap dia puas hati kenapa dia gagal dan dia boleh cuba lagi," kata Mahmood.

Sementara itu, Mahmood berkata, sebanyak 60,059 lantikan dibuat SPA melibatkan 38,659 pelantikan tetap dan selebihnya kontrak sepanjang tahun lepas.

INFO Portal Carian Kerja Kerajaan 2014

Orang ramai yang ingin mengisi kekosongan jawatan di Jabatan kerajaan boleh melawati laman web berikut:

1. www.spa.gov.my (SPA8)
2. www.jobsmalaysia.gov.my
3. www.careeron9.org
4. www.jobsonline.my
5. www.jawatankosong24.com
6. www.kekosongankerajaan.com

Ia melibatkan 45,392 calon lantikan Melayu, 2,901 orang kaum Cina, 2,018 kaum India manakala selebihnya bumiputera Sabah, Sarawak dan lain-lain.

"SPA menerima 2.1 juta permohonan untuk menyertai perkhidmatan awam pada tahun lepas," katanya. - Bernama

Kosmo m/s 2 4/1/2014

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 4 JANUARI 2014

MS : 54

Sinar Harian m/s 54 4/1/2014

SPA jangka 100,000 kekosongan jawatan

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan kira-kira 100,000 kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam untuk diisi pada tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam berkata, kekosongan jawatan itu melibatkan pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri.

"Kebanyakan kekosongan di peringkat kumpulan sokongan memandangkan lebih 70 peratus jawatan dalam perkhidmatan awam ketika ini diisi kumpulan itu," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Menurutnya, SPA akan sentiasa memastikan calon-calon dilantik dalam perkhidmatan awam bukan sahaja me-



Portal rasmi SPA.

miliki kelulusan, kelayakan dan kebolehan, tetapi juga mempunyai kualiti teras antaranya cepat dan tepat, serta produktif, kreatif dan inovatif.

Sehubungan itu, katanya, calon-calon yang berminat menyertai perkhidmatan

awam dipelawa menyertai seminar dan kursus Tip Panduan bagi Memasuki Perkhidmatan Awam yang diadakan di seluruh negara bermula hari ini.

"Sebab itu fokus kita pada tahun ini untuk menjelaskan kepada orang ramai cara nak

mohon kerja, apa (ciri-ciri) yang kita cari. Jadi bagi orang ramai, kalau ada nilai yang kita cari ini dijemput hadir.

"Jadi kalau dia tidak dapat (kerja dalam perkhidmatan awam) pun kita harap dia puas hati kenapa dia gagal dan dia boleh cuba lagi," katanya.

Sementara itu, Mahmood berkata, sepanjang tahun lalu, 60,059 lantikan dibuat SPA melibatkan 38,659 pelantikan tetap dan selebihnya kontrak.

Ia melibatkan 45,392 calon lantikan Melayu, 2,901 Cina, 2,018 India dan selebihnya bumiputera Sabah, Sarawak dan lain-lain.

"SPA menerima 2.1 juta permohonan untuk menyertai perkhidmatan awam pada tahun lalu," katanya. - Bernama



Public Services Commission chairman Tan Sri Mahmood Adam says there are vacancies in all government agencies and departments. Pic by Fariz Iswadi Ismail

Civil service has 100,000 jobs to fill

PUTRAJAYA: The civil service is set to see more than 100,000 job vacancies this year.

Public Services Commission (PSC) chairman Tan Sri Mahmood Adam said this was due to the retirement of civil servants. "These vacancies are in all government agencies and departments and we will be meeting with the state commissions to get the exact figure (for the vacancies) next week."

Mahmood also shared the success of the commission in receiving more job applications for the civil service last year, which were 2.1 million, compared with one million in 2012.

He said the numbers had risen significantly, especially in the number of Chinese and Indian applicants. "The applicants from both races were double that of last year's, and we saw 44,633 Chinese applicants and 75,361 Indian applicants.

"Meanwhile, there were 252,672 Bumiputra applicants from Sabah and Sarawak and others (42,789), in which both had also increased sig-

nificantly," Mahmood said.

In 2012, there were only 19,702 Chinese applicants; 35,717 (Indians); 144,553 (Sabah and Sarawak Bumiputra); and others (19,548).

It was also learnt that 60,059 individuals were by the civil service last year, with 38,659 under permanent appointment and 21,400 under contract appointment.

Mahmood said the major factor that had drawn more Chinese and Indian job seekers to apply for jobs in the civil service was the discussions with both communities.

"The commission had also set up special committees to draw more applicants from both communities aside from engaging help from local non-governmental agencies.

"We have also gone to the ground, especially in colleges and universities to look for prospective applicants."

He said the commission would strengthen its efforts in encouraging other races to apply for jobs in the civil service.

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 4 JANUARI 2014

MS : 14

100,000 public sector posts to be filled

PUTRAJAYA: The Public Service Commission expects an estimated 100,000 job vacancies in the public sector to be filled this year.

Its chairman Tan Sri Mahmood Adam said the vacancies were in various ministries, agencies and state government departments.

"Most of these vacancies are at the support service level, which currently makes up over 70% of the posts in the public sector," he told reporters here yesterday.

The commission, said Mahmood, would always ensure that candidates selected for the public sector have both the necessary qualifications and capabilities, as well as core qualities such as speed, accuracy, productivity, creativity and innovation.

He said those interested in joining the civil

service were encouraged to participate in a seminar on "Tips to Join the Public Sector", which would be held nationwide beginning today.

"Our focus this year will be on explaining to the public how to apply for jobs and the qualities we seek. Those possessing these qualities are invited to attend. Even if the person does not get the job (in the public sector), he will know why he has failed and can try again," Mahmood pointed out.

Last year, he said there were 60,059 appointments – 38,659 for permanent posts and the rest for contract positions.

"Last year, the commission received about 1.2 million applications for jobs in the public sector," he said. – Bernama


The Star pg. 14

4/1/2014

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 4 JANUARI 2014

MS : 1



70 peratus kekosongan dalam kumpulan sokongan

Utusan Malaysia m/s 4 4/1/2014

SPA isi 100,000 jawatan



Datuk Rami Mahari

PUSAHA

Perkhidmatan Awam (SPA) akan mengisi 100,000 jawatan kekosongan dalam kumpulan sokongan pada tahun 2014. Datuk Rami Mahari, Setiausaha SPA, berkata kerajaan akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan ini kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam.

meningkatkan kepada 70 peratus kekosongan dalam kumpulan sokongan SPA akan lebih agresif dalam mengisi kekosongan agensi transformasi dan akan mengutamakan pengisian perkhidmatan awam. "Kita akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan ini kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam. Selain itu, kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan SPA kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam."

diberikan tip yang betul," katanya dalam sidang akhbar mengenai pencapaian SPA sepanjang tahun 2013 di sini hari ini. Yang turut hadir, Timbalan Pengerusi SPA, Datuk R. Sagarajah, Setiausaha SPA, Datuk Rami Mahari dan ahli-ahli perkhidmatan awam. Dalam pada itu, Mahمود akan berikhtisab SPA dengan 60,055 perjawatan awam pada 2013 dengan me-

masikan calon bukan sahaja memiliki pakej ketulenan dan kelayakan tetapi berintegriti, produktif dan setia. Ujarnya, SPA berjaya meningkatkan satu juta perkhidmatan tahun lalu berbanding sebelumnya berikhtisab pelaksanaan transformasi. "SPA mencatatkan jumlah permohonan bukan Melayu atau Cina seramai 24,931 dan India (19,644) manakala Bumiputera Sabah dan Sarawak

108,119 pada tahun lalu. "Kita berharap lebih banyak permohonan penyertaan perkhidmatan awam termasuk bukan Melayu akan berusaha untuk memajukan negara berteknologi," ujarnya. Tambah Mahمود, calon-calon boleh boleh mengemukakan petisyen kepada SPA mengapa mereka gagal dan memohon perkhidmatan awam sekali lagi.

MEPAOS harap kalangan awam diberi peluang

Perkhidmatan Awam (SPA) akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan ini kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam. Selain itu, kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan SPA kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam.



Aishah Yusoff

Perkhidmatan Awam (SPA) akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan ini kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam. Selain itu, kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan SPA kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam.

Perkhidmatan Awam (SPA) akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan ini kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam. Selain itu, kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan SPA kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam.

Perkhidmatan Awam (SPA) akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan ini kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam. Selain itu, kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan SPA kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam.

Perkhidmatan Awam (SPA) akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan ini kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam. Selain itu, kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan SPA kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam.

Perkhidmatan Awam (SPA) akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan ini kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam. Selain itu, kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan SPA kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam.

Perkhidmatan Awam (SPA) akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan ini kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam. Selain itu, kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada kumpulan sokongan SPA kerana ia merupakan asas kepada perkhidmatan awam.

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 JANUARI 2014

MS : 27

10,000 jawatan kosong

■ Tawaran berikutan persaraan kakitangan awam cukup umur

Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@mediaprima.com.my
Putrajaya

Lebih 10,000 kekosongan jawatan ditawarkan dalam perkhidmatan awam sepanjang tahun ini berikutan persaraan kakitangan awam yang cukup umur, kata Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Tan Sri Mahmood Adam.

Beliau berkata, kekosongan ini tersedia untuk semua agensi dan jabatan kerajaan di seluruh negara.

"Kebanyakan kekosongan adalah di peringkat kumpulan sokongan memandangkan 70 peratus jawatan dalam perkhidmatan awam ketika ini diisi kumpulan itu.

"Bagaimanapun, kami mendapatkan jumlah tepat selepas mengadakan mesyuarat dengan su-

ruhanjaya negeri minggu depan," katanya pada sidang media di pejabatnya, di sini, semalam.

Mahmood berkata, SPA memastikan calon yang dilantik dalam perkhidmatan awam mempunyai kelulusan, berkelayakan dan berkebolehan serta mempunyai kualiti teras seperti cepat dan tepat serta produktif, kreatif dan inovatif.

Pada masa sama, beliau memaklumkan sepanjang 2013 suruhanjaya menerima 2.1 juta permohonan mengisi jawatan kosong, berbanding satu juta pada 2012.

Katanya, jumlah itu meningkat dengan mendadak terutama permohonan daripada keturunan Cina dan India.

"Permohonan daripada keturunan Cina dan India meningkat dua kali ganda tahun lalu yang memabitkan 44,633 pemohon Cina dan



“Bagaimanapun, kami mendapatkan jumlah tepat selepas mengadakan mesyuarat dengan suruhanjaya negeri minggu depan”

Mahmood Adam

75,361 India.

"Sementara itu, 252,672 permohonan Bumiputera dari Sabah dan Sarawak 42,789, di mana jumlah ini juga menunjukkan peningkatan," katanya.

Beliau berkata, pada 2012, hanya 19,702 pemohon Cina; 35,717 (India); Bumiputera Sabah dan Sarawak (144,553) dan lain-lain (19,548).

Difahamkan, 60,059 individu di-

terima bekerja dalam perkhidmatan awam di mana 38,659 lantikan tetap, manakala 21,400 lagi lantikan kontrak.

Menurutnya, faktor utama yang menarik lebih ramai keturunan Cina dan India memohon jawatan dalam perkhidmatan awam adalah pendedahan dan pembabitan yang dilakukan dalam kedua-dua komuniti ini.

"Suruhanjaya menubuhkan jawatankuasa khas menarik lebih ramai pemohon dari komuniti berkenaan selain kami turun padang terutama di kolej dan universiti untuk mendapatkan pemohon berpotensi," katanya.

Mahmood berkata, suruhanjaya itu mengukuhkan usaha menggalakkan keturunan lain memohon jawatan dalam perkhidmatan awam.